

600 juta kg plastik cemari sungai

UM 06/06/23 M 12

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**

shofi.isa@mediamulia.com.my

KUANTAN: Kajian Yayasan Pengguna Negara Malaysia (YPNM) mendapati hampir 600 juta daripada purata 700 juta kilogram plastik setahun yang digunakan rakyat negara ini mencemarkan sungai dan lautan sekali gus memberi kesan buruk kepada hidupan marin serta keseluruhan rantai makanan.

Partikel plastik bukan sahaja membawa bahaya secara langsung apabila dimakan hidupan di lautan, malah, bahan kimia yang terdapat akan menyerap ke dalam tisu haiwan terbabit.

Ia memberi ancaman besar kepada kelangsungan hidupan marin dan kesihatan manusia apabila memakan sumber makanan laut yang dicemari mikroplastik dan nano plastik.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden YPNM, Datuk Mohd. Firdaus Abdullah berkata, isu pencemaran plastik di lautan semakin kritikal dan

perlu segera diatasi kerana ia membawa kemudaratan kepada hidupan laut dan juga manusia.

“Plastik bukan sahaja bahaya kepada hidupan laut seperti penyu, anjing laut dan burung laut yang mencatatkan kematian tinggi akibat terkaman sumber plastik, malah, plastik juga bahaya kepada ikan yang merupakan sumber protein utama dimakan oleh manusia pada setiap hari.

“Bahan kimia digunakan dalam plastik seperti Phthalates, Bisphenol A (BPA) atau Polychlorinated merupakan sejenis toksik yang banyak ditemukan dalam ikan serta mamalia laut yang berupaya mengakibatkan kesan kronik ke atas kesihatan manusia termasuk gangguan endokrin dan proses mutasi yang mengakibatkan kanser,” katanya di sini semalam.

Mohd. Firdaus berkata, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pengguna itu mendapati Malaysia merupakan antara penyumbang yang tinggi terhadap pencemaran plastik di Asia Tenggara.

Hal ini kerana katanya, kajian YPNM mendapati kesedaran pengguna berkenaan pencemaran plastik adalah kurang berdasarkan penggunaan bahan itu yang banyak dan pembakaran terbuka yang kerap dilakukan rakyat Malaysia.

“Di samping itu, kedai-kedai makan menggunakan pinggan dan cawan plastik pakai buang bagi mengurangkan kos mencuci jelas memberikan impak yang cukup besar terhadap pencemaran.

“Jika 33 juta rakyat Malaysia menggunakan penyedut minuman plastik sehari, maka akan wujud 33 juta penyedut minuman plastik di alam sekitar kita. Jelas bahawa kita perlu mencari satu alternatif baharu bagi menangani isu ini,” katanya.

Jadi, beliau berkata, YPNM mencadangkan supaya kerajaan mengharamkan penggunaan penyedut minuman dan cawan plastik pakai buang bagi mendidik rakyat Malaysia berkenaan masalah pencemaran.



SEORANG pekerja kontrak bahagian pembersihan sungai mengaut sisa sampah yang terperangkap di log boom Sungai Pinang, Georgetown, Pulau Pinang, tahun lalu. - UTUSAN/IQBAL HAMDAN